

DOI: [10.51377/azjaf.vol1no2.34](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.34)

THE DETERMINANTS OF ZAKAT EDUCATION DISTRIBUTION SCHEME: STUDY AT KEDAH ZAKAT BOARD (LZNK)

PENENTUAN SKIM AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

MOHAMAD MUHAIMIN MOHAMAD ZAKI

Calon Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam (Syariah), Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. E-mail: ustaz_min@yahoo.com.my

JASNI SULONG

Professor Madya (PhD), Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. E-mail: jasni@usm.com

HAFIZAH ZAINAL

Pengurus (PhD), Pusat Kajian Pengantarabangsaan Lembaga Zakat Negeri Kedah.
E-mail: hafizah@zakatkedah.com**A PEER-REVIEWED ARTICLE****(RECEIVED – 1ST OCT. 2020; REVISED – 9TH DEC. 2020; ACCEPTED – 11TH JAN. 2021)**

ABSTRACT

The distribution aspect is one of the issues that draw the public's attention to the zakat institution. This factor occurs because the community often questions the large allocation of zakat money channelled when there are still those who drop out of receiving support. Furthermore, the rising cost of education has prompted some students not to pursue higher education after graduation. The Kedah Zakat Board was selected as a case study because it has a Kedah Zakat School (SDK) and several transformations of educational zakat distribution products that benefit asnaf. Does the question arise as to how asnaf benefits from services for the distribution of educational zakat? How is it acknowledged, and what is the process that must be conducted before supplying a distribution product to a qualified product? What are the parameters and factors

that affect efficacy in the management of the distribution of educational zakat? Therefore, this paper aims to address the above questions in depth. This analysis utilizes qualitative research methodology by gathering data through library studies and field studies using the unstructured interview technique. As a result, this study found that zakat administrators need to enforce many procedures from the proposal stage to educational zakat distribution products' branding process. Besides, in order to improve the efficiency of the distribution process, LZNK is also collaborating with several public higher education institutions (IPTA) and other institutions to obtain input and ideas on existing mechanisms and strategic planning for the potential distribution of educational zakat in the future.

Keywords: distribution; effectiveness; zakat; policy

ABSTRAK

Isu yang mendapat perhatian masyarakat terhadap institusi zakat adalah mengenai aspek agihan. Hal ini kerana masyarakat sering mempersoalkan mengenai peruntukan yang besar daripada wang zakat yang disalurkan terutamanya dalam agihan zakat pendidikan, namun masih terdapat asnaf yang tercicir daripada menerima bantuan. Tambahan pula, kos pendidikan yang semakin meningkat menyebabkan terdapat pelajar yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas alam persekolahan. Lembaga Zakat Negeri Kedah dipilih kerana mempunyai Sekolah Zakat Kedah (SDK) dan beberapa transformasi produk agihan zakat pendidikan yang memberi manfaat kepada asnaf. Timbul persoalan sejauh mana produk agihan zakat pendidikan memberikan manfaat kepada asnaf? Bagaimana ia dikenalpasti dan apakah proses yang perlu dilalui sebelum sesuatu produk agihan ini disebarluaskan kepada asnaf yang layak? Apakah kriteria dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan dalam pengurusan agihan zakat pendidikan? Justeru, kertas kerja ini bertujuan membincangkan secara terperinci mengenai persoalan di atas. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah

temubual tidak berstruktur. Hasilnya, kajian ini mendapati terdapat beberapa proses yang perlu dilaksanakan oleh pentadbir zakat bermula daripada fasa cadangan hinggalah kepada fasa penjenamaan produk agihan zakat pendidikan. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan proses agihan, pihak LZNK juga berkolaborasi dengan beberapa buah IPTA dan institusi lain bagi mendapatkan maklum balas dan buah fikiran terhadap mekanisme sedia ada dan juga perancangan strategik agihan zakat pendidikan pada masa akan datang.

Kata kunci: agihan; keberkesanan; zakat; dasar

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu instrumen kewangan yang berpaksikan kepada ibadah kewangan dan menghubungkan kepada saling melengkapi antara satu sama lain (Hairunnizam et. al, 2009). Mereka yang kaya dan berkemampuan dari sudut harta akan membantu mereka yang miskin dan serba kekurangan melalui penyaluran dana zakat. Walaupun saban tahun didapati pertambahan bajet kerajaan dalam belanjawan negara yang dibentangkan oleh menteri kewangan di Parlimen Malaysia pada setiap tahun, namun masih ramai dalam kalangan masyarakat khususnya asnaf yang tercicir dalam pelajaran dan memerlukan bantuan untuk meneruskan pelajaran mereka (Zakaria Bahri, 2017).

Pada tahun 2020, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 64.1 billion, yang merupakan peruntukan terbesar dalam agihan belanjawan negara. Peruntukan ini meningkat sebanyak RM 3.9 billion berbanding RM 60.2 billion pada tahun sebelumnya dalam sektor pendidikan (Nor Azma Laila et al, 2019). Hal ini menunjukkan keutamaan kerajaan dan langkah yang komited dalam hal ehwal pembangunan modal insan di negara ini (Maszlee Malek, 2019).

Selain daripada bantuan sedia ada yang disalurkan oleh pihak kerajaan, terdapat pelbagai bantuan yang ditawarkan oleh institusi zakat seperti bantuan dermasiswa, bantuan am pelajaran, bantuan peralatan sekolah dan sebagainya (Azman Abdul Rahman et all, 2014). Kesemua bantuan ini meliputi sumbangan untuk pendidikan rendah hinggalah kepada pengajian tinggi. Malah, institusi zakat

berperanan menyalurkan bantuan pendidikan kepada para asnaf agar mengelakkan golongan ini daripada tercicir akibat ketiadaan sumber kewangan bagi melanjutkan pelajaran (Azman & Ainatul, 2015).

Oleh kerana Negeri Kedah Darul Aman mempunyai populasi penduduk yang terdiri daripada keluarga petani yang kebanyakan mereka memerlukan bantuan zakat dan bertambah sepanjang tahun (Zakaria Othman, 2019), maka terdapat pelbagai produk agihan zakat pendidikan yang disediakan Lembaga Zakat negeri Kedah (LZNK) agar memastikan modal insan di negeri Kedah sentiasa berkembang pesat sejajar dengan perkembangan semasa. Secara tidak langsung, sumbangan buat para keluarga asnaf ini dapat membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan dan berupaya menjadi pembayar zakat semula kepada LZNK setelah berjaya kelak (Nurul Hidayah, S.Salahudin & Norajila, 2014).

Bagi menjayakan misi ini yang merupakan amanah para pembayar zakat, pihak LZNK akan memastikan setiap daripada produk agihan zakat pendidikan memberi kesan yang positif terhadap para asnaf (Mohd Khairi Ishak, 2020). Kajian ini akan menganalisis bagaimana sesuatu produk agihan ini dijenamakan bermula di peringkat cadangan hinggalah ditawarkan secara umum serta apakah kriteria yang diutamakan oleh LZNK agar sesuatu produk agihan tersebut benar-benar menepati kehendak dan pulangan yang positif kepada kemenjadian modal insan dalam kalangan asnaf. Impaknya, anak-anak asnaf yang berjaya hasil daripada sumbangan zakat pendidikan ini bakal ditempatkan di sektor-sektor penting dalam negara ini dan berupaya menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Mohamad Izam 2011; Mohamad Muhaimin & Jasni Sulong, 2019).

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan mengenai sumbangan dan cabaran zakat pendidikan dalam kalangan asnaf di Malaysia. Antaranya beberapa kajian yang berkaitan dengan agihan zakat pendidikan. Berdasarkan kajian yang diterbitkan oleh penyelidik di Jabatan Wakaf, Haji dan Umrah (JAWHAR) pada tahun 2008, terdapat pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai institusi zakat di seluruh Malaysia. Matlamat kewujudan pelbagai skim bantuan

ini adalah untuk memastikan para asnaf terutamanya anak-anak mereka tidak tercicir daripada pelajaran dan taraf ekonomi keluarga dapat ditingkatkan (JAWHAR, 2008).

Seterusnya, oleh kerana pendidikan dan pembangunan ekonomi saling berkait rapat antara satu sama lain, Azman Abdul Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014) menjalankan kajian mengenai dana zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap ekonomi Malaysia. Kajian ini memfokuskan Lembaga Zakat Selangor sebagai institusi zakat yang memperoleh kutipan yang tertinggi di Malaysia memanfaatkan dana zakat pendidikan untuk disalurkan kepada para asnaf yang berkelayakan. Pelbagai skim bantuan zakat pendidikan dianalisis serta dapatan impak agihan dana zakat dikenalpasti antaranya kecemerlangan anak-anak asnaf yang diberikan bantuan dalam peperiksaan awam serta kebolehpasaran graduan yang terdiri daripada anak-anak asnaf di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Bagi memastikan persepsi pembayar zakat yakin dengan usaha jitu institusi zakat dalam mengagihkan dana agihan zakat pendidikan, kajian Zakaria Bahri (2014) mengenai peranan zakat dalam pendidikan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Dalam kajian tersebut, terdapat pelbagai dapatan data mengenai penyaluran zakat produktif dalam bidang pendidikan terhadap kemajuan modal insan asnaf di Pulau Pinang. Pengkaji juga turut menyenaraikan asnaf-asnaf yang terlibat dalam agihan zakat pendidikan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) serta perluasan tafsiran asnaf yang dikemukakan oleh para fuqaha mengikut realiti dan keperluan industri pada masa kini. Malah, kajian ini juga mengkategorikan skim bantuan zakat pendidikan oleh ZPP kepada dua bahagian utama iaitu bantuan individu dan bantuan kepada institusi agar manfaat yang diterima oleh para asnaf lebih berkesan.

Oleh kerana pendidikan merupakan suatu aspek yang penting dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi ummah, kajian yang dilakukan Zakaria Othman, Ridzuan Ahmad dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan (2019) mengetengahkan usaha dan strategi LZNK dalam membangunkan asnaf fakir dan miskin menerusi penubuhan sekolah zakat. Bagi menyalurkan bantuan kepada 14,778 keluarga yang menerima bantuan bulanan di seluruh negeri Kedah, pihak LZNK membangunkan modal insan menerusi agihan zakat

pendidikan antaranya menerusi kewujudan Sekolah Zakat Kedah. Daripada jumlah tersebut, seramai 15,397 orang daripada 37,428 orang tanggungan adalah berumur 7 hingga 18 tahun yang majoritinya masih lagi berada di alam persekolahan rendah dan menengah.

Seterusnya, penentuan keutamaan dalam agihan dana zakat yang berkesan terutamanya yang berkaitan zakat pendidikan amatlah penting untuk mencapai matlamat serta objektif agihan zakat. Kajian Muhammad Haffiz Muhamad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017) dan Nofariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) merungkai peranan zakat dalam memajukan sosioekonomi para asnaf terutamanya anak-anak fakir dan miskin di bandar serta golongan muallaf. Kedua-dua golongan ini merupakan golongan yang terbesar menerima pembiayaan daripada gihan dana zakat pendidikan. Kedua-dua kajian ini juga menganalisis impak yang diperolehi oleh para asnaf hasil daripada penyaluran dana zakat yang berkesan terhadap mereka.

Bagi memperkasa mekanisme agihan zakat pendidikan, Mohamad Muhaimin dan Jasni Sulong (2019) menjalankan kajian terhadap jaringan institusi zakat dengan pelbagai pihak berkepentingan menggunakan strategi lautan biru kebangsaan. Dalam kajian tersebut, beberapa skim agihan zakat telah dilaksanakan oleh Zakat Pulau Pinang bersama pelbagai agensi seperti Penang Development Centre (PDC), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, Naza Academy, Penang Skills Development Centre (PSDC) dan beberapa agensi lain. Usaha sebegini bukan sahaja menjimatkan masa dan tenaga, malah masalah kekurangan staf di institusi zakat dapat diatasi dan bidang kepakaran yang diperlukan oleh para asnaf lebih banyak diperolehi menerusi pelbagai kerjasama strategik yang dijalankan oleh kedua-dua pihak menerusi saluran dana agihan zakat pendidikan.

Secara umumnya, kajian tentang penyaluran dana zakat dalam bidang pendidikan masih kurang terutamanya yang membincangkan secara khusus tentang perancangan dan penentuan dasar terhadap produk agihan yang berkaitan dengan zakat pendidikan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada proses yang dilalui sebelum sesuatu produk agihan diwujudkan seterusnya melaksanakan skim-skim tersebut kepada asnaf oleh LZNK.

PROSES PENETAPAN PRODUK & SKIM AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN LZNK

Pengurusan zakat yang baik dan berkesan haruslah mempunyai perancangan yang tersusun agar objektif menjadikan dana zakat sebagai medium untuk meningkatkan produktiviti asnaf ke arah yang lebih baik akan terlaksana (Sidi Ghazalba, 1975; Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006). Oleh itu, bagi melaksanakan sesuatu skim bantuan terutamanya yang berkaitan dengan zakat pendidikan, beberapa prosedur perlu dilalui agar penerima bantuan tersebut akan memperoleh manfaat yang optimum (Hafizah Zainal, 2020; Mohd Khairi Ishak, 2020). Malah, amalan urus tadbir agihan zakat yang cekap adalah manifestasi daripada perancangan yang teliti dan berfokus sebelum sesuatu skim agihan zakat itu dilaksanakan (Sanep Ahmad et al, 2005). Justeru, proses sesuatu skim agihan zakat pendidikan adalah ditentukan seperti berikut;

i. **Proses penghasilan produk dan skim agihan zakat LZNK**

Pada peringkat permulaan, setiap cadangan berkaitan skim atau produk agihan baharu yang ingin dilaksanakan oleh LZNK mestilah dikemukakan secara peringkat dalaman iaitu melalui Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (JPT) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LZNK atau Jawatankuasa Kecil Agihan dan Kutipan. Seterusnya, hasil cadangan daripada mesyuarat ini akan dimajukan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah LZNK. Mereka terdiri daripada tokoh-tokoh terkemuka yang mempunyai pelbagai latar belakang dan bidang kepakaran masing-masing bagi memberikan nasihat dan pandangan terhadap setiap cadangan yang diajukan dalam mesyuarat tersebut. **Jadual 1** menunjukkan carta organisasi Ahli Lembaga Pengarah LZNK:

Jadual 1: Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Zakat Negeri Kedah
2019/2020

Jawatan	Nama	Tugas semasa
Pengerusi	Yb. Dato' Paduka Ammar	Setiausaha Kerajaan
	Bin Dato' Shaikh Mahmood Naim	Negeri Kedah Darul Aman

Setiausaha	Yang Berbahagia Tuan Syeikh Zakaria Bin Othman	Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
	Sahibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Haji Fadzil Bin Haji Awang	Mufti Negeri Kedah Darul Aman
	Yaa. Dato' Syeikh Haji Abd Rahman Bin Haji Abdullah	Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah Darul Aman
	Yang Berhormat Tuan Nik Azhan Hakim Bin Nik Mahmood	Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah
	Yang Berbahagia Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri Bin Syed Abdullah	Seri Maharajalela Ketua Istiadat
Ahli Lembaga	Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Yusri Bin Md. Daud	Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Kedah
	Yang Berbahagia Tuan Syeikh Haji Ahmad Faisol Bin Haji Omar	Pegawai Agama Daerah Kota Setar
	Yang Berbahagia Dato' Panglima Jaya Dato' Wira Haji Ismail Bin Hamid	
	Yang Berbahagia Encik Mohd Sofwan Bin Mohd Khatib	Setiausaha Sulit KDYMM Tuanku Sultan Kedah
	Yang Berbahagia Dr. Akli Bin Ahmad	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah
	Yang Berbahagia Profesor Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman Al-Jarumi	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah


Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (2020)

Kesemua ahli lembaga pengarah ini merupakan penjawat awam serta mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang dan tidak terlibat dengan organisasi politik. Hal ini selari dengan kewujudan LZNK sebagai institusi yang bebas daripada pengaruh politik dan berada secara langsung di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan Kedah (Hafizah Zainal, 2020). Berdasarkan Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman, Enakmen 23 (Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015) Bahagian III Kuasa dan fungsi Lembaga, pada subseksyen 18. (2);

“Lembaga hendaklah berkuasa mengagihkan kesemua hasil kutipan zakat dan zakat fitrah kepada asnaf”

Oleh itu, pihak Ahli Lembaga Pengarah berkuasa penuh ke atas setiap cadangan yang dibawa oleh pihak JPT LZNK dan Jawatankuasa Kecil Agihan dan Kutipan terutamanya yang melibatkan kos dan peruntukan jumlah yang besar dan memerlukan pandangan perundangan atau berkaitan dengan hukum semasa (Hafizah Zainal, 2020). Langkah ini merupakan antara salah satu inisiatif LZNK bagi memastikan setiap urusan yang dijalankan adalah telus sekaligus berupaya mengelakkan ketirisan dalam setiap transaksi agihan zakat terutamanya yang melibatkan jumlah dana yang banyak (Hairunnizam Wahid et al, 2016).

Di LZNK, sesuatu produk dan skim agihan diwujudkan atas dasar menyelesaikan sesuatu perkara yang berbangkit. Oleh itu, sebelum sesuatu produk dibangunkan, kajian persekitaran akan dilakukan oleh pihak LZNK. Kajian ini bermaksud melihat impak dari pelaksanaannya terlebih dahulu sama ada memberikan kebaikan atau sebaliknya terutama kepada para asnaf yang menerima manfaat (Hafizah Zainal, 2020). Berdasarkan penerangan di atas, Rajah 1 menunjukkan carta alir sesuatu produk dan skim agihan dilaksanakan di LZNK;



Rajah 1: Carta Alir Penghasilan Sesuatu Produk Agihan di LZNK

ii. **Perlaksanaan skim geran penyelidikan untuk kajian zakat.**

Seterusnya, bagi memastikan agar setiap usaha dan gerak kerja yang dijalankan oleh LZNK mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan, LZNK melalui Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah yang terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pegawai Eksekutif telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa IPT tempatan di negeri Kedah melalui geran-geran yang diberikan diwujudkan hasil daripada bayaran balik agihan zakat yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2018. Sebanyak 3/8-4/8 daripada hasil bayaran balik geran wakalah diagihkan semula kepada pihak IPT tempatan iaitu melibatkan tiga buah IPT di negeri Kedah iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Institut Teknologi Mara

(UiTM), dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Kesemua kajian yang dijalankan meliputi kepada isu-isu semasa yang melibatkan kutipan dan agihan di LZNK, keberkesanan agihan kepada asnaf mengikut keperluan semasa, inovasi dan pembangunan kutipan zakat serta pengurusan strategik LZNK dalam merangka, mengurus, mengelola dan membuat kaji selidik keberkesanan produk-produk agihan yang ingin dan sedang dijalankan oleh LZNK.

Bermula pada tahun 2018 hingga awal tahun 2020, kajian rintis melibatkan peruntukan sebanyak RM 20,000.00-RM 30,000.00 bagi setiap geran penyelidikan yang ditawarkan. Keseluruhan geran yang dilaksanakan ini adalah melibatkan 73 tajuk geran kajian. Pada mulanya, geran-geran ini hanya melibatkan pensyarah-pensyarah dari IBS UUM dan mula disebarluaskan kepada fakulti yang lain apabila Ketua Pegawai Eksekutif LZNK sendiri mengadakan sesi *town hall* di UUM untuk mendapatkan sendiri maklum balas terutamanya daripada para ilmuan dan penyelidik zakat di pelbagai IPT agar buah pemikiran mereka dapat diterjemahkan dalam meningkatkan kejayaan tadbir urus di LZNK. (Hafizah Zainal, 2020). Usaha ini selari dengan saranan kerajaan dalam strategi lautan biru kebangsaan yang melibatkan jalinan strategik sesebuah institusi seperti LZNK bekerjasama dengan pihak lain bagi mendapatkan manfaat yang optimum hasil jalinan proaktif kedua-kedua pihak. **Jadual 2** merupakan senarai tajuk yang telah dijalankan hasil kerjasama Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah bersama IPT tempatan bagi berkongsi kepakaran;

Jadual 2: Senarai Tajuk Kajian yang telah dijalankan di bawah geran penyelidikan IPIZ.

Kluster	Tajuk kajian
Umum	<ol style="list-style-type: none"> 1. Forecasting Zakat Collection Using Deep Learning System 2. Kajian Khas Strategi Pelan Tindakan Kutipan Zakat Negeri Kedah 3. Meningkatkan Keberkesanan Kutipan Zakat Melalui Kelestarian E-Zakat 4. Tahap Kefahaman Staf UUM Dalam

	<p>Melaksanakan Zakat Pendapatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Tahap Kesediaan Pemilik Dan Pelabur Matawang Kripto Dalam Melaksanakan Kewajipan Zakat Berdasarkan Model Penerimaan Inovasi 6. The Contribution of Zakat and The Sustainable Development Status Of Zakat Recipients In Kedah And Selangor States Of Malaysia 7. Empowering Zakat Recipients: Assessment from The Zakat Recipients' Perceptive 8. Prosedur Saringan Dan Pemilihan Asnaf Zakat di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Garis Panduan Amalan Terbaik 9. Pembangunan Program Analitik Bertanggungjawab Sosial Dan Komuniti- Jangkaan Impak Menerusi SROI 10. Standard Pengukuran Dalam Penentuan Agihan Zakat OKU Negeri Kedah 11. Program Pembangunan Kerjaya Dalam Industri Makanan Halal Untuk Pelajar Asnaf (PERUNDINGAN) 12. Pembangunan Spiritual Golongan Kurang Upaya (OKU) Kecacatan Penglihatan Di Daerah Kota Setar (PERUNDINGAN)
<p>Kluster Pengurusan Zakat Koprat</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetahuan, Pemahaman Dan Reaksi Peniaga Kecil Terhadap Pembayaran Zakat Di Pusat Zakat: Satu Kajian Terhadap Peniaga Pasar Hari Dan Malam Di Negeri Kedah 2. Keefisienan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Muslim Di Negeri Kedah 3. Pelan Strategik Untuk Menangani Isu Dan Cabaran Dalam Pengurusan Zakat Perniagaan Di Malaysia

	<ol style="list-style-type: none"> 4. Kemerosotan Kutipan Zakat Padi Di Negeri Kedah Darul Aman: Satu Kajian Analisis 5. Mekanisme Untuk Meningkatkan Kepatuhan Zakat Perniagaan Di Kalangan Peniaga Kecil di Kedah. 6. Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan Di Syarikat Tersenarai Awam/Public Listed Company (PLC) Dan Syarikat Berkaitan Kerajaan/Government Link Company (GLC) Di Negeri Kedah Darul Aman 7. Merekabentuk Model Komitmen Dan Kepercayaan Terhadap Institusi Zakat Dalam Kalangan Usahawan Korporat Muslim Di Negeri Kedah
Kluster Pengurusan Zakat Harta	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesan Kadar Haddul Kifayah Baharu Dalam Zakat Pendapatan Di Negeri Kedah 2. Tahap Penerimaan Masyarakat Di Negeri Kedah Terhadap Zakat Mal Mustafad 3. Kerangka Pembayaran Zakat KWSP: Mekanisme Pembayaran Meningkatkan Kutipan Pencarum 4. Tahap Kefahaman Membayar Zakat Pendapatan Di Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam di Kedah 5. Penetapan Uruf Zakat Emas Perhiasan Di Negeri Kedah
Kluster Agihan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan Mekanisme Agihan Zakat Dalam Kalangan Asnaf Fakir Dan Miskin: Kajian Di Kedah 2. Pencapaian Sekuriti Makanan Dikalangan Fakir Dan Miskin Melalui Bantuan Zakat Dan Pemilikan Aset Penghidupan 3. Pemerksaan Agihan Zakat: Medium Pembangunan Resiliensi Asnaf Muallaf

-
4. Kegunaan Wang Zakat Untuk Pembangunan Asnaf Muallaf
 5. Model Agihan Komprehensif Zakat Terhadap Mangsa Bencana Di Negeri Kedah Berasaskan Penanda Arasan Klasik Dan Kontemporari
 6. Keberkesanan Skim-Skim Agihan Bantuan: Satu Analisis Terhadap Asnaf Miskin
 7. Keberkesanan Program Bantuan Muallaf Di Pusat Bimbingan Dan Latihan Saudara Baru (PUSBA)
 8. Penilaian Terhadap Keberkesanan Ekosistem Pelaksanaan Program Food Bank oleh LZNK untuk Memenuhi Global Agenda SDGs dalam Parameter Maqasid Syariah
 9. Utilising Zakat Fund in Developing Micro-Takaful Scheme for Enhancing the Financial Well-Being of Working Asnaf in Kedah
 10. Agihan Zakat Dalam Kalangan Asnaf Al-Gharimin Di Kedah: Satu Penilaian Semula
 11. Pembangunan Modul Bimbingan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam Untuk Golongan Asnaf Muallaf (PERUNDINGAN)

**Kluster
Pembangunan
Asnaf**

1. Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan Asnaf Negeri Kedah
 2. Pembangunan Model LZNK Mart Sebagai Pusat Sehati Asnaf Zakat Negeri Kedah
 3. Pulangan Sosial Atas Pelaburan (Social Return on Investment): Kajian Impak Agihan Zakat Terhadap Asnaf Bagi Skim Bantuan Perniagaan Di Negeri Kedah
 4. Transformasi Asnaf Menjadi Usahawan Melalui Modul Inovasi
 5. Penanaman Cendawan: Kajian Kes Di Kedah (PERUNDINGAN)
-

Kluster Pendidikan

1. Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Dalam Kalangan Asnaf di Kedah
 2. Persepsi Ibu bapa dan Penerima Bantuan Dermasiswa Luar Negara Terhadap Pelaksana Bayaran Bantuan Mengikut Kelulusan Pengajian
 3. Sekolah Zakat Kedah Sebagai Wadah Melahirkan Usahawan Untuk Mengatasi Perangkap Kitaran Kemiskinan Inter-Generasi Di Kalangan Asnaf
 4. Impak Penubuhan Sekolah Zakat Kedah Kepada Peluang Akses Pendidikan Agama Berkualiti Kepada Anak-anak Asnaf di Kedah
 5. Enhancing Asnaf's Entrepreneurial Skill Using NLP Strategies and Tools: Case Study of Kensiun Community at Ulu Legong, Baling, Kedah. (PERUNDINGAN)
 6. "EQUick" Interactive Learning Device: Fostering Emotional Intelligence (EI) of Asnaf Children in Kedah (PERUNDINGAN)
 7. Program Pengajaran Pendidikan Abad Ke-21 Di Pondok Moden Zakat Kedah (PERUNDINGAN)
 8. Pemerkasaan Silibus Turath dan Akademik Pondok Moden Zakat Kedah (PERUNDINGAN)
 9. Program Intervensi Akademik Dan Vokasional Kepada Anak-Anak Asnaf Daerah Sik (PERUNDINGAN)
-

Sumber : Lembaga Zakat Negeri Kedah (2020)

Berdasarkan tajuk-tajuk kajian yang telah diterbitkan oleh IPIZ melalui kerjasama dengan penyelidik tempatan, kluster pendidikan merupakan antara kluster tertinggi memperoleh geran yang telah dikeluarkan melalui agihan pembayaran balik LZNK bersama IPT

tempatan. Ini kerana, skop agihan pendidikan berada di tempat kedua selepas agihan kepada fakir miskin. Melalui agihan ini, bantuan yang diberikan lebih tertumpu kepada pemberian biasiswa kepada pelajar asnaf cemerlang sama ada dari segi bantuan biasiswa pengajian, wang saku, bantuan makanan, pakaian seragam dan lain-lain. Bermula pada tahun 2019, sebanyak 26 proposal kajian telah diluluskan daripada 56 permohonan yang dihantar kepada pihak IPIZ. Jumlah geran yang diberikan pula sekitar RM 10,000.00 hingga RM 12,000.00 bagi setiap kajian yang dihasilkan.

iii. Transformasi dan implikasinya dalam penentuan keberkesanan skim agihan zakat pendidikan

Bagi meningkatkan keberkesanan pada setiap produk agihan zakat pendidikan, pihak LZNK akan melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Misalnya, pada tahun 2018, setiap biasiswa yang diberikan kepada pelajar akan dipantau oleh LZNK berdasarkan kepada keputusan peperiksaan pelajar tersebut. Sekiranya pelajar gagal dalam pelajaran, maka biasiswa tersebut akan digantung atau ditamatkan. Hal ini bertujuan supaya pelajar lebih bersungguh-sungguh dalam pengajian mereka. Hasilnya, keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh para pelajar yang mendapat bantuan daripada LZNK bertambah baik dari sebelumnya. Jadual 3 menunjukkan perbandingan keputusan pelajar di Mesir setelah syarat-syarat untuk mendapat biasiswa diperketatkan. Perbandingan ini menjelaskan bahawa pelajar yang mendapat keputusan gagal berkurangan daripada 1141 orang pada tahun 2017 kepada 973 orang pada tahun 2018 sewaktu kali pertama usaha sebegini dijalankan oleh pihak LZNK walaupun pada mulanya mendapat kritikan dan tentangan daripada segelintir masyarakat yang tidak berpuas hati dengan perlaksanaan ini. Para pelajar yang mendapat tajaan di Mesir dijadikan kajian rintis untuk program ini yang dijangka akan disebarluaskan kepada pelajar universiti tempatan dan luar negara.

Jadual 3: Perbandingan Keputusan Peperiksaan Pelajar Kedah di Mesir.

Perkara	2017		2018	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus
Mumtaz (cemerlang)	9	1%	14	2%
Jayyid Jiddan (sangat baik)	59	3%	113	7%
Jayyid (baik)	130	8%	146	9%
Maqbul (lulus)	268	17%	299	19%
Rasib (gagal)	1141	71%	973	63%
Jumlah Pelajar Lulus	1607		1545	

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (2019)

Berdasarkan **Jadual 3**, antara langkah pembaharuan yang dijalankan oleh LZNK, mana-mana pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam keputusan peperiksaan pada setiap semester akan diberikan ganjaran berupa pemberian biasiswa kepada mereka. Namun, sebaliknya apabila pencapaian adalah tidak cemerlang atau gagal, biasiswa tersebut akan berkurangan atau ditamatkan sekiranya keputusan yang diperolehi adalah gagal (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2019). Langkah ini bertepatan dengan sistem ganjaran bagi merangsang motivasi pelajar khususnya penerima sumbangan dana pendidikan LZNK untuk lebih berjaya dalam pelajaran. Menurut Farah Liyana et al. (2014) dan Adeoye dan Fields (2014), sistem ganjaran merupakan salah satu faktor penting yang mampu menyumbang kepada keberkesanan sesebuah organisasi dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap sikap dan gelagat individu.

Selain itu, sistem berasaskan kepada ganjaran yang diuruskan dengan secara teratur dan baik akan meningkatkan motivasi dalam kalangan pekerja dan mereka akan lebih cenderung untuk bekerja dengan lebih keras untuk mencapai sesuatu matlamat (Imran et al. 2014; Ghanzafar *et al.* 2011). Usaha yang sama juga dilaksanakan oleh kebanyakan sektor korporat yang telah menukar sistem ganjaran dari ganjaran berdasarkan kerja kepada sistem ganjaran berdasarkan prestasi bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi (Lawler, 2000; Azman & Nurzawani, 2009). Malah, bagi membentuk pelajar asnaf

yang cemerlang, LZNK sentiasa mengadakan program motivasi semasa cuti semester mereka. Pengisian program tersebut termasuklah bagi membentuk pendakwah zakat dalam kalangan penerima biasiswa sama ada di IPT tempatan atau di luar negara.

Berdasarkan teras keempat agihan zakat iaitu berteraskan SDGs (*Sustainable Development Goals*) yang diperkenalkan oleh United Nation (UN) iaitu pendidikan yang berkualiti, LZNK mengorak langkah dengan lebih efektif dalam merangka, menyusun dan memantapkan sektor agihan zakat pendidikan di Negeri Kedah. Antara usaha LZNK dalam menjayakan teras keempat ini adalah menawarkan biasiswa dan dermasiswa kepada mahasiswa yang melanjutkan pengajian di UA dan US dalam dan luar negara (Hafizah Zainal et. al, 2019). Hal ini bertepatan dengan matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merupakan sebuah agenda global yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu sosial (56%), ekonomi (20%) dan alam sekitar (24%) yang ingin dicapai pada tahun 2030 oleh Malaysia selari dengan matlamat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2018).

Usaha bagi memperkemas agihan zakat pendidikan di LZNK diperkukuhkan dengan penjenamaan semula Bahagian Pendidikan dan Inovasi Agihan yang diwujudkan pada tahun 2018 kepada Bahagian Pendidikan yang dikhususkan secara jitu bagi memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dalam kalangan asnaf di negeri Kedah. Langkah yang bermula pada bulan Jun 2020 ini bertujuan agar mekanisme agihan zakat pendidikan di LZNK lebih tersusun dan sentiasa ditambah baik dari semasa ke sama agar hasil yang optimum diperolehi oleh para asnaf (Mohd Khairi Ishak, 2020; Hafizah Zainal, 2020). **Jadual 4 dan 5** menunjukkan peruntukan dan agihan yang diperolehi oleh Bahagian Pendidikan LZNK serta skim-skim yang ditawarkan oleh LZNK kepada para asnaf dalam agihan dana zakat pendidikan.

Jadual 4: Peruntukan dan Agihan Bahagian Pendidikan LZNK 2017-2020

Bil	Tahun	Peruntukan	Agihan
1	2017	43,083,600.00	38,491,300.14

2	2018	35,927,000.00	34,679,449.00
3	2019	42,073,900.00	34,860,915.85
4	2020	36,784,600.00	12,778,145.18*

**Data Setakat Jun 2020*

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (2020)

Jadual 4 menunjukkan dana zakat yang diperuntukkan dan diagihkan oleh LZNK yang kepada asnaf mengikut keperluan semasa. Setiap tahun, didapati jumlah agihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan LZNK berkurangan daripada jumlah peruntukan setiap tahun kerana beberapa faktor antaranya terdapat peruntukan yang diberikan pada hujung tahun dan tidak sempat digunakan oleh LZNK dan setiap agihan adalah bergantung kepada keperluan semasa asnaf serta tidak boleh diagihkan mengikut sesuka hati atas sebab perlu dihabiskan mengikut tahun semasa (Mohd Khairi Ishak, 2020; Hairullfazli Mohammad Som et al., 2016).

LZNK sentiasa komited dan membuat pemantauan serta penambahbaikan dari semasa ke semasa khususnya berkaitan dengan skim agihan zakat pendidikan (Mohd Khairi Ishak, 2020; Hafizah Zainal, 2020). Justeru, sehingga kini terdapat 20 skim bantuan yang telah diwujudkan di LZNK yang berada di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan LZNK (Mohd Khairi Ishak, 2020).

Jadual 5: Senarai Skim Agihan Bahagian Pendidikan LZNK 2017-2020

Bil	Nama Skim	Catatan
1	Sekolah Agama Nidzomi	
2	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Tempatan	
3	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Mesir	
4	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Jordan	
5	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Indonesia (IAIN) Program Pembangunan Pendidikan	

6	Derma Siswa Awal IPT Luar Negara	
7	Biasiswa Pelajar Dalam Negara	
8	Biasiswa Pelajar Perubatan Luar Negara	
9	Maahad Dini	
10	Biasiswa Pelajar UNISHAMS	
11	Derma siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Mahgribi	
12	Biasiswa Pelajar Cemerlang Bulanan	
13	Biasiswa Mursyid	
14	Pondok Moden Zakat	Program Baharu 2019
15	Bantuan Institusi Pondok	Program Baharu 2019
16	Penajaan Ruwaq Jawi	Program Baharu 2019
17	Sumbangan Sara Hidup Mahasiswa IPTA dalam negara	Program Baharu 2020
18	Bantuan Yuran Penuh Penuntut Miskin	Program Baharu 2020
19	Biasiswa Yuran Pengajian IQDAR	Program Baharu 2020

Sumber: Lembaga Zakat Negeri Kedah (2020)

Berdasarkan maklumat skim bantuan zakat pendidikan pada **Jadual 5**, sebanyak 6 produk dan skim agihan baharu dilancarkan dan sedang dilaksanakan oleh LZNK pada tahun 2019 dan 2020 (hingga setakat Ogos 2020). Oleh kerana pandemik Covid-19 yang mengakibatkan ramai dalam kalangan asnaf terjejas dari segi pendapatan isi rumah, pihak LZNK mengambil langkah proaktif menyediakan sumbangan sara hidup mahasiswa IPTA dalam negara.

Ini kerana, selain peningkatan dalam kos sara hidup pelajar di IPTA khususnya di bandaraya besar seperti Kuala Lumpur dan Shah Alam, berlaku juga peningkatan dalam kos yuran dan kos lain seperti bahan rujukan dan alat pembelajaran. Justeru, pihak LZNK mewujudkan bantuan yuran penuh bagi penuntut miskin yang berpotensi untuk berjaya dalam bidang dan lapangan masing-masing. Malah, bagi menarik lebih banyak dalam kalangan anak-anak asnaf bergelar *buffaz*, pihak LZNK juga menawarkan biasiswa yuran pengajian di Institut Al-Qur'an Darul Aman (IQDAR) yang

dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Penajaan pendidikan bukan sahaja meliputi institusi pendidikan di dalam negeri Kedah semata-mata, pihak LZNK juga sedang dalam proses ketika ini untuk mewujudkan skim bantuan pengajian di Kolej Profesional Baitulmal dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi melahirkan graduan yang berkebolehan dalam pelbagai bidang ilmu (Mohd Khairi Ishak, 2020).

Perluasan skim agihan bantuan pendidikan LZNK ini bertepatan dengan pandangan Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003) yang menyatakan pada masa kini mereka yang berjuang dengan fikiran dan dengan jiwa lebih penting, lebih besar manfaatnya dan lebih efektif dari kekuatan ketenteraan. Berperang dalam konteks berjuang mencari ilmu pengetahuan serta disebarkan pula hasil dapatan ilmu tersebut kepada ummah lebih diperlukan agar dengan ilmu yang dipelajari, masyarakat dapat menerima manfaat daripada ilmu tersebut misalnya pelajar perubatan yang menjadi doktor dapat menyelamatkan banyak nyawa, hasil daripada ilmu dan kepakaran yang dimiliki dalam ilmu perubatan (Yusuf Qardawi, 2011).

Malahan, usaha memperbanyakkan skim bantuan dan memperluaskan tafsiran asnaf dalam zakat pendidikan adalah perkara yang bersesuaian mengikut tempat dan zaman. Hasanah Abd. Khafildz (2011) mengatakan bahawa perluasan agihan bantuan zakat pendidikan sebagai suatu perkara yang penting dalam memartabatkan agama Islam kerana apabila semakin ramai umat Islam yang ketinggalan dalam lapangan sesuatu pengajian, maka implikasinya semakin berkurangan kepakaran umat Islam dalam beberapa bidang seperti kedoktoran dan kejuruteraan. Program pelebaran ini juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa melibatkan beberapa bidang kritikal yang lain seperti TVET, keusahawanan dan teknologi digital. Selain itu, peruntukan bagi program pembangunan pendidikan juga diwujudkan bagi memberikan suntikan dan kepada persatuan anak negeri Kedah di IPT yang terpilih dalam mengatur program-program yang bermanfaat terutamanya terhadap pembelajaran mereka di luar kampus agar tidak hanya tertumpu kepada pengajaran di bilik kuliah semata-mata.

Berdasarkan pelbagai analisis yang telah dinyatakan, dapatlah difahami bahawa setiap skim yang diperkenalkan oleh LZNK

mempunyai prosedur yang perlu dipatuhi sebelum ianya dilaksanakan. Malah, pengurusan zakat pada masa kini juga bukanlah hanya sekadar mentadbir dana kutipan dan agihan zakat, namun proses penentuan keberkesanan sesuatu produk agihan itu sendiri iaitu bermula dengan aktiviti merancang, mengorganisasi, menyelaras dan membuat keputusan sebelum skim bantuan tersebut dilaksanakan (Hairunnizam Wahid et.al, 2009). Bagi memastikan skim yang dilaksanakan di institusi pengurusan zakat adalah menepati kehendak dan keperluan asnaf serta sesuai dengan realiti semasa, pengurusan zakat perlulah melaksanakan tinjauan berterusan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa agar manfaat yang diperolehi hasil daripada pelbagai produk bantuan tersebut akan diterima oleh para asnaf.

KESIMPULAN

Kajian ini membawa kepada inovasi serta pengetahuan mengenai bagaimana sesuatu skim dan produk agihan zakat pendidikan dilaksanakan oleh LZNK. Hal ini penting agar produk agihan yang dihasilkan mempunyai mutu dan kualiti serta memberikan impak yang terbaik kepada kemenjadian asnaf untuk mengubah taraf hidup dan sosioekonomi mereka melalui intergrasi ilmu pengetahuan. Maka, penyaluran dana zakat pendidikan pada masa kini bukan hanya tertumpu kepada bentuk bantuan *one off* semata-mata, malah dikembangkan dengan pelbagai skim yang sesuai dengan perkembangan pesat dunia pendidikan pada masa kini. Penerima bantuan bukan sahaja terdiri daripada mereka yang berada dalam lapangan agama semata-mata, malah bidang-bidang yang diperlukan oleh umat Islam pada masa kini seperti perubatan, kejuruteraan, akauntan dan pelbagai lapangan akademik juga dilibatkan dalam agihan zakat pendidikan. Secara tidak langsung, selain memberi kesan terhadap para asnaf, agihan yang berkualiti juga akan meningkatkan keyakinan masyarakat khususnya pembayar zakat di LZNK untuk menyalurkan zakat mereka kepada institusi zakat yang bertauliah dan diiktiraf oleh pihak pemerintah.

RUJUKAN

- Adeoye AO, Fields Z (2014) Compensation Management and Employee Job Satisfaction: A case of Nigeria. *Journal Social Science* 41(2), 345-352.
- Azman & Ainatul Syafiqah (2015). Bantuan Zakat Untuk Pendidikan Kepada Asnaf : Kajian Di Negeri Sembilan. *Proceeding Of The International Conferent On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF 2104)*. Shah Alam. Malaysia.
- Farah Liyana B, Teng SS, Fakhrul Zaman A (2014) *Reward management and job satisfaction among frontline employees in hotel industry in Malaysia*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 144, 392-402.
- Hafizah Zainal, Zakaria Bin Othman, Faisal Mustaffa (2019) Pelaksanaan Model Sustainable Development Goals Dalam Inisiatif Pengurusan Zakat Di Kedah. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy* 1-7
- Hairullfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib, S. O. & Siti Zulaikha Mokhtar. (2016). Skim agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah mengikut maqasid syariah : kajian di Selangor dan Pulau Pinang. *Proceeding of the International Conference*, 36–46.
- Hairunnizam Wahid. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?. *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1 (1). 151-166.
- Hasan Bahrom & Ezani Yaakub. (2006). *Pengurusan zakat semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Hasanah Abd. Khafildz, (2011) . *Fil Sabilillah Sebagai Medium Zakat Produktif, dlm Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif, dlm Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*, suntingan Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam negeri Pulau Pinang,

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Univerisiti Sains Malaysia.

Hasanah Binti Abd Khafidz. (2006). *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Pentafsirannya di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Imran A, Ahmad S, Nisar AQ, Ahmad U (2014) Exploring relationship among rewards, recognition and employees' job satisfaction: A descriptive study on libraries in Pakistan. *Middle-East Journal of Scientific Research* 21(9), 1533-1540.

Lawler EE (2002) *Rewarding Excellence: Pay Strategies for the New Economy*. Jossey-Bass, California.

Lembaga Zakat Negeri Kedah (2018) diakses daripada <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>.

Lembaga Zakat negeri Kedah (2019) Buku Cenderamata Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan LZNK pada 23 Mei 2019 bertempat di Dewan Sultan Badlishah, Maktab Mahmud Alor Setar.

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong (2019). Aplikasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan Dalam Agihan Zakat Pendidikan di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(2), 55-72.

Mohamed Izam, M. Y. (2011). *Dana Zakat: Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf*. *Dana Zakat: Wasilah Pembasmian Kemiskinan Asnaf*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat Serantau 2011, Legend Hotel, 28 Mac. Malaysia: Kuala Lumpur.

Muhammad Haffiz Muhammad Isa & Hairunnizam Wahid (2017) *Dana Zakat Untuk Pembiayaan Pendidikan: Tinjauan Kecenderungan Pemilihan Aliran Pendidikan dalam Kalangan Asnaf Mualaf di Malaysia*. Dlm Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia h. 133-154.

Nofariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil 4 Isu 3* h. 1-13.

- Nuruul Hidayah Mansor, S.Salahudin & Norajila Che Man (2014). *Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Di Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective.* Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad, et al. (2005) Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal, *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39, Vol. 53-69, 2005. Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. International Journal of Management Studies* 13(2), 175-196.
- Sidi Gazalba. (1975). *Masjid Pusat Pembinaan Ummat.* Jakarta: Pustaka Antara.
- Zakaria Bahri (2014), Peranan Zakat Dalam Pendidikan Masyarakat Islam: Ulasan Kasus Zakat Pulau Pinang. *Media Syariah*, Vol XV1 No 1 Jun 2014.
- Zakaria Othman, Ridzuan Ahmad dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan (2019) Sekolah Zakat: Mekanisme Membangunkan Asnaf Fakir Dan Miskin Menerusi Pendidikan Di Negeri Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philantropy Vol. 1 Issues 1.*

TEMUBUAL

- Temu bual bersama Dr Hafizah Zainal, Pengurus Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah pada hari Selasa 18 Ogos 2020 jam 11.30 pagi.
- Temu bual bersama Tuan Mohd Khairi Ishak, Ketua Bahagian, Bahagian Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada hari Selasa 18 Ogos 2020 jam 3 petang.